

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah strategik yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu golongan petani padi bagi memastikan pengeluaran padi dapat memenuhi pasaran tempatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sentiasa memainkan peranan membantu golongan petani bagi memastikan pengeluaran padi dapat memenuhi pasaran tempatan negara.

Pada tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2.211 bilion dalam bentuk subsidi dan insentif bertujuan bagi membantu petani dalam setiap aspek terutama dari segi bantuan input pertanian sehingga ke penjualan hasil. Insentif yang berbentuk input pertanian adalah seperti benih, baja, racun dan pengapuran bertujuan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan penanaman padi yang perlu ditanggung oleh pesawah. Purata kos pengeluaran padi sehektar adalah sekitar RM 4,221.43 yang mana melalui pemberian subsidi dan insentif ini Kerajaan

telah menanggung kos sebanyak RM2,540.00 dari jumlah yang perlu ditanggung oleh petani. Manakala bantuan dari segi penjualan padi pula adalah bagi membantu meningkatkan pendapatan pesawah supaya berada di atas garis kemiskinan Negara dan juga sebagai galakkan kepada pesawah untuk meningkatkan hasil pengeluaran bagi setiap hektar padi yang ditanam.

Selain itu, antara langkah lain yang telah dilaksanakan Kementerian bagi meningkatkan pengeluaran dan menjamin kualiti padi yang dihasilkan adalah seperti berikut :-

- (i) pewujudan empat kawasan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) baru iaitu di Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lumar dengan jumlah keluasan kawasan penanaman seluas 25,905 hektar yang mampu meningkatkan hasil pengeluaran padi negara dan menyumbang kepada SSL Negara ke arah 100% menjelang tahun 2020;
- (ii) menggalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi meningkatkan kualiti hasil tuaian sekali gus mengurangkan peratus pemotongan;
- (iii) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA EPP10 dan EP11;
- (iv) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (v) penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- (vi) pengamalan teknologi pertanian tepat; dan
- (vii) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi.

Langkah-langkah ini dapat membantu golongan petani sekali gus memastikan pengeluaran padi dapat memenuhi pasaran tempatan negara.